



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 25 SEPTEMBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RM2.2 JUTA KERUGIAN AKIBAT BANJIR DI SABAH, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	SEKTOR AGROMAKANAN RUGI RM2.23 JUTA AKIBAT BANJIR DI SABAH, NEGARA, HAKAKAH, M/S – 16	
3.	JUMLAH PENDARATAN IKAN MENINGKAT, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 6	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	18 TUKUN TIRUAN KUBOID JUVENIL DILABUH DI PERAIRAN TANJUNG GELAM, SG4: TERENGGANU, HAKAKAH, M/S – 15	
5.	ITALI PERKENAL TOMATO PREMIUM EROPAH KE MALAYSIA, BISNES, SINAR HARIAN, M/S – 21	LAIN – LAIN
6.	LAMBAKAN BEKALAN IKAN DARI THAILAND, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	
7.	BUAT STOK IKAN KERING KETIKA CUACA PANAS, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 7	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

RM2.2 juta kerugian akibat banjir di Sabah

302 penternak, petani dan nelayan dari enam daerah terjejas

Oleh Izwan Abdullah
bhnews@bh.com.my

Papar: Seramai 302 petani, penternak, nelayan dan usahawan tani di Sabah terjejas akibat banjir dan ribut yang melanda negeri itu baru-baru ini, dengan anggaran kerugian lebih RM2.2 juta.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata paling ramai terjejas ialah pesawah yang membabitkan seramai 109 orang.

Katanya, jumlah itu merangkumi kawasan penanaman padi di beberapa daerah seluas 113.43 hektar dengan jumlah kerugian mencecah RM519,963.

"Bagi tanaman selain padi pula, seramai 61 petani terkesan dengan anggaran keluasan 78.95 hektar, manakala kerugian berjumlah RM748,200.

"Mereka terdiri daripada petani yang mengusahakan tanaman nanas, cili dan sayur-sayuran.

"Bagi sektor ternakan pula, 23 penternak terjejas dengan ang-

garan kerugian berjumlah RM504,350.

"Antara kerugian dalam sektor ternakan ialah kerosakan infrastruktur dan kematian ternakan seperti itik dan kambing," katanya pada sidang media selepas melawat usahawan tani yang terjejas akibat banjir di Kampung Gadong, Kimanis, di sini, kelmarin.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup serta Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar.

Mohamad berkata, 51 orang termasuk nelayan laut pula terkesan bagi sektor perikanan dengan anggaran kerugian berjumlah RM208,790.

"Lain-lain kerugian membabitkan 58 usahawan tani dengan anggaran kerugian berjumlah RM257,000," katanya.

Sekurang-kurangnya enam daerah di Sabah terjejas akibat banjir dan tanah runtuh baru-baru ini, iaitu Penampang, Putatan, Papar, Membakut, Beaufort dan Sipitang.

Mohamad berkata, anggaran awal RM2.2 juta nilai kerosakan sektor agromakanan di Sabah masih di peringkat penilaian awal oleh Jawatankuasa Teknikal di peringkat jabatan atau agensi.

"Permohonan bagi mendapatkan bantuan TBP akan dikemukakan kepada KPKM sebaik sa-



Mohamad bersama Arthur (kanan) menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di Kampung Gading Kimanis pada Program Sentuhan MADANI Bencana Banjir Sabah.

(Foto BERNAMA)

haja selesai penilaian akhir," katanya.

Terima 9 permohonan TBP

Sementara itu, Mohamad berkata Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) setakat ini menerima sembilan permohonan Tabung Bencana Pertanian (TBP) dari Sabah dengan jumlah bantuan keseluruhan RM212,271.

Beliau berkata, permohonan itu diterima dari golongan sasar di daerah Penampang, Putatan dan Beaufort, Kudat, Ranau dan Tenom yang sebelum ini dilanda bencana.

Katanya, jumlah itu sebahagian daripada RM15.9 juta yang sudah diluluskan dan disalurkan oleh Kementerian Kewangan kepada KPKM bagi melaksanakan inisiatif berkenaan di seluruh negara.

Mohamad berkata, secara keseluruhan, katanya KPKM dipeperuntukkan RM25 juta dalam Belanjawan 2025 bagi melaksanakan inisiatif TBP di seluruh negara sepanjang tahun ini.

"Melalui pengumuman Belanjawan 2025, Perdana Menteri mengumumkan peruntukan sebanyak RM25 juta kepada KPKM untuk melaksanakan Inisiatif Tabung Bencana Pertanian (TBP).

"Sehingga kini, sebanyak RM15.9 juta sudah diluluskan dan disalurkan oleh Kementerian Kewangan kepada KPKM untuk melaksanakan inisiatif ini.

"Bantuan disalurkan kepada golongan sasar di seluruh negara yang terjejas akibat bencana dalam sektor agromakanan dengan pemberian bantuan secara In-Kind.

"Daripada jumlah ini, sebanyak sembilan permohonan diterima dari Sabah khususnya di daerah Penampang, Putatan, Kudat, Beaufort, Ranau dan Tenom dengan jumlah bantuan keseluruhan RM212,271," katanya.

Mohamad bersama Arthur dalam rangka lawatan sehari Program Sentuhan Madani: Bencana Banjir @ Sabah ke beberapa lokasi yang terjejas akibat banjir.

Di Kampung Gadong, Kimanis, Mohamad melawat rumah nela-

yan ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Papar dan Projek Sayuran Fertigasi Ahli Persatuan Peladang Kawasan (PPK) Papar yang terjejas akibat banjir, baru-baru ini.

Beliau turut melawat kawasan sawah padi terjejas banjir di Kampung Rampazan.

Sebelum itu, Mohamad turut ke Keningau melawat dan menyerahkan sumbangan KPKM kepada waris mangsa lemas akibat dihanyut arus deras.

Selain itu, KPKM turut mengagihkan sebanyak 200 unit bakul makanan kepada golongan terjejas banjir di Sabah dengan nilai keseluruhannya berjumlah RM20,000.

Katanya, lawatan turun padang beliau di Sabah adalah untuk meninjau sendiri situasi bencana ribut yang menyebabkan banjir dan tanah runtuh di negeri ini.

"Pada masa sama, kita juga menyantuni mangsa yang terkesan akibat bencana terutamanya warga agromakanan," katanya.



Mohamad bersama Arthur (kanan) dan Mahfuz melihat projek tanaman sayur hidroponik yang terjejas akibat banjir di Kampung Gading Kimanis, Papar.



Mohamad bersama Arthur (kiri) meninjau kesan banjir di Kampung Gading Kimanis, Papar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	HALAMAN
25/9/2025	KOSMO	NEGARA	16

Sektor agromakanan rugi RM2.23 juta akibat banjir di Sabah

PETALING JAYA – Sektor agromakanan di Sabah mengalami kerugian kira-kira RM2.23 juta akibat bencana ribut, banjir dan tanah runtuh di negeri tersebut.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kesan bencana di Sabah kali ini adalah besar.

Menurut beliau, lebih 100 pesawah padi terjejas melibatkan 113 hektar sawah dengan kerugian hampir RM520,000.

Katanya, seramai 61 petani tanaman lain seperti nanas, cili dan sayur pula kerugian hampir RM748,000 di kawasan 79 hektar.

“Bagi sektor ternakan, seramai 23 penternak alami kerosakan infrastruktur dan kematian ternakan dengan kerugian lebih RM504,000.

“Seramai 51 nelayan dan pengusaha perikanan turut terkesan dengan kerugian sekitar RM208,000.

“Selain itu, seramai 58 usahawan tani menanggung kerugian lebih RM257,000,” katanya dalam satu hantaran di media sosial semalam.



MOHAMAD (empat dari kanan) menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir di Papar, Sabah kelmarin.

Mohamad berkata, kerajaan ada menyediakan peruntukan RM25 juta untuk Tabung Bencana Pertanian (TBP) menerusi Belanjawan 2025.

Kata beliau, sebanyak RM15.9 juta telah pun disalurkan termasuk di Sabah dengan nilai RM212,000 untuk mangsa di Penampang, Putatan, Kudat,

Beaufort, Ranau dan Tenom.

“Kita akan pastikan semua bentuk bantuan ini sampai segera kepada mereka yang terkesan terutama pesawah, petani, penternak dan nelayan.

“Kementerian akan terus beri perhatian agar mereka dapat bangkit semula dan teruskan usaha mencari rezeki,” katanya.

TARIKH	HEBDA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/9/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Jumlah pendaratan ikan meningkat

PETALING JAYA: Jumlah pendaratan ikan di negara ini meningkat 1.39 juta tan metrik pada 2024 berbanding 1.27 juta tan metrik pada 2023, sekali gus menunjukkan perkembangan positif dalam industri perikanan tangkapan marin negara.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Datuk Adnan Husain berkata, peningkatan itu mencerminkan pemulihan sektor perikanan yang berterusan dan menyumbang kepada kelestarian bekalan makanan laut untuk rakyat.

Beliau berkata, antara negeri penyumbang utama ialah Perak yang kekal sebagai negeri tertinggi dengan pendaratan sebanyak 434,349 tan metrik, diikuti Sabah (201,812), Selangor (163,732) dan Pahang (144,651).

“Kejayaan negeri-negeri ini menunjukkan potensi sumber perikanan marin masih tinggi serta menegaskan kerjasama di peringkat negeri memainkan peranan penting dalam menyokong pemulihan nasional.

“Bagi negeri Pantai Timur, Kelantan dan Terengganu merekodkan pendaratan masing-masing 58,115 tan metrik dan 39,657 tan metrik pada 2024. Walaupun sedikit menurun berbanding tahun sebelumnya, jumlah ini masih lebih baik jika dibandingkan dengan 2022, membuktikan sektor perikanan di Pantai Timur tetap berdaya tahan walaupun berdepan cabaran

pasaran dan faktor cuaca.

“Sementara itu, Selangor dan Pulau Pinang pula mencatatkan peningkatan konsisten dan positif sepanjang tempoh pemulihan, sekali gus menjadi penyumbang penting kepada pertumbuhan hasil pendaratan perikanan negara,” katanya dalam kenyataan semalam.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan pendapatan nelayan di negara ini semakin merosot berikutan hasil tangkapan ikan di beberapa negeri mencatat penurunan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Trend penurunan tersebut direkodkan di Selangor, Kelantan dan Pulau Pinang dengan kehilangan hasil berbilion ringgit dipercayai berpunca daripada pencerobohan bot asing, kos operasi yang meningkat dan faktor cuaca.

Sementara itu Adnan berkata, kejayaan itu turut didorong oleh pelaksanaan Program Pemuliharaan Sumber di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025).

Sepanjang tempoh itu, jelasnya, sebanyak 1,174 unit tukun tiruan telah berjaya dilabuhkan di seluruh negara dengan jumlah peruntukan sebanyak RM20 juta.

“Projek ini memberi kesan positif kepada ekosistem marin sekali gus menyumbang kepada peningkatan hasil tangkapan dan keseimbangan biodiversiti laut,” katanya.

18 tukun tiruan kuboid juvenil dilabuh di perairan Tanjung Gelam

KUALA NERUS: Sebanyak 18 unit tukun tiruan berbentuk kuboid juvenil penghalang pukuk tunda (rekreas) dilabuhkan di perairan Tanjung Gelam bagi memperkukuh kestabilan sumber laut serta melindungi habitat marin.

Pelabuhan tukun itu dipernakan oleh Yang di-Pertuan Muda Terengganu, Tengku Muhammad Ismail Sultan Mizan Zainal Abidin yang berkenan mencemar duli ke majlis berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Negeri, Datuk Dr Azman Ibrahim hadir menyambut keberangkatan tiba baginda di jeti Pejabat Perikanan Kuala Terengganu, Pulau Kambing.

Tuanku berkenan menaiki bot menuju ke lokasi pelabu-



(Darul Kir) Azman mengiringi Tengku Muhammad Ismail pada majlis melabuhkan tukun di perairan Tanjung Gelam.

han tukun, dan sebaik tiba di perairan Tanjung Gelam, Yang di-Pertuan Muda Terengganu berangkat menaiki tongkang yang telah sedia menanti.

Majlis bertambah bermakna apabila baginda berkenan menekan buzzer sebagai gimik pergerakan kren mengangkut tukun, sebelum menekan air horn yang menandakan pelepasan rasmi ke permukaan air.

Baginda turut berkenan menyaksikan proses melabuhkan tiga unit tukun pertama, sambil harapan agar usaha pemeliharaan laut ini memberi manfaat besar kepada rakyat dan nelayan tempatan.

Usai majlis, baginda berangkat ke bot dan kembali ke jeti Pejabat Perikanan Kuala Terengganu, sebelum berangkat pulang dengan penuh istiadat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/9/2025	HARAKAH	SG4: TERENGGANU	15

Itali perkenal tomato premium Eropah ke Malaysia

KUALA LUMPUR - Rakyat Malaysia bakal menikmati keenakan tomato premium Eropah apabila Itali, disokong Kesatuan Eropah (EU) melancarkan kempen baharu bagi mempamerkan kualiti dan kepelbagaian produk tomato dalam tin dari negara itu.

Kempen 'eTomAato: European Tomato, A Red Passion' yang dilancarkan Kedutaan Itali di Kuala Lumpur dan Agensi Perdagangan Itali (ITA), bertujuan memberi peluang kepada pengguna serta kulinari profesional Malaysia merasai keunikan warisan tomato Eropah yang berusia berabad lamanya.

Pesuruhjaya Perdagangan ITA, Dr Angela Donvito berkata, kempen itu membekalkan cef, pengusaha

makanan dan pengguna Malaysia dengan produk yang memenuhi piawaian antarabangsa tertinggi, sekali gus memberi inspirasi kepada inovasi kulinari.

"Kempen ini melambangkan komitmen kami terhadap kerjasama jangka panjang yang memberi manfaat kepada industri makanan kedua-dua rantau," katanya semasa sidang akhbar di sini pada Rabu.

Donvito menegaskan 'eTomAato' dirangka untuk melengkapi, bukannya bersaing dengan sektor pertanian Malaysia.

Jelas beliau, kempen itu memperkenalkan produk tomato premium yang mampan, menyokong inovasi kulinari dan berpotensi meningkatkan

daya saing Malaysia di pasaran serantau serta global.

"Dalam tempoh dua tahun akan datang, 'eTomAato' akan menganjurkan seminar untuk pemain industri, sesi merasa di kedai kepada pengguna dan kerjasama dengan cef terkemuka serta pengusaha perkhidmatan makanan.

"Matlamatnya untuk memperlihatkan kepelbagaian penggunaan tomato Eropah dalam masakan Malaysia dan antarabangsa.

"Selain mempromosikan jualan, inisiatif ini turut menyokong matlamat industri makanan Malaysia dengan menggalakkan keselamatan makanan, kelestarian dan perkongsian ilmu," katanya. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/9/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29



PENIAGA melayan pelanggan yang membeli ikan segar di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan.
- UTUSAN/ROSLIZA MOHAMED

Lambakan bekalan ikan dari Thailand

Oleh YATIMIN ABDULLAH,
ROSLIZA MOHAMED
dan TOREK SULONG
utusannews@mediamulla.com.my

KOTA BHARU: Harga terendah ikan selayang di Kelantan sekarang adalah RM2.50 sekilogram bergantung kepada saiz dan tahap kesegarannya.

Harga ikan-ikan lain juga dijangka turun berikutan bekalan berlebihan apabila pemborong membawa masuk ikan dari Thailand dan Singapura yang mengalami lambakan pendaratan.

Setiausaha Persatuan Pemborong dan Penjual Ikan Kelantan, Mohamad Adan Ahmad Tarmizi berkata, senario itu turut disebabkan pendaratan besar-besaran oleh nelayan tempatan.

"Bila berlaku lambakan, ada peniaga mula menjual dengan

harga lelong. Ketika ini harga ikan selayang boleh mencecah sekitar RM2.50 sekilogram. Harga rendah itu bergantung kepada saiz dan tahap kesegaran ikan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Mohamad Adan berkata, lambakan dijangka berlaku sehingga pertengahan Oktober, namun bergantung kepada situasi Monsun Timur Laut (MTL).

Sebelum ini, akhbar ini melaporkan, pendapatan nelayan di negara ini semakin merosot berikutan hasil tangkapan ikan di beberapa negeri mencatat penurunan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Trend penurunan tersebut direkodkan di Selangor, Kelantan dan Pulau Pinang dengan kehilangan hasil berbilion ringgit dipercayai berpunca daripada pencerobohan bot asing, kos operasi yang

meningkat dan faktor cuaca.

Sementara itu, tinjauan di Pasar Siti Khadijah di sini dan Pasar Tok Bali, Pasir Puteh mendapati, ikan dijual pada harga murah sejak beberapa bulan lalu.

Peniaga di Pasar Siti Khadijah, Zulkifli Ismail, 63, berkata, bekalan ikan segar stabil dan tidak menghadapi masalah.

Katanya, ikan bawal dijual dengan harga RM17 hingga RM20 sekilogram bergantung kepada saiz.

"Ikan selar pula dijual dengan harga RM12 hingga RM18 sekilogram dan ikan selayang RM6 sekilogram," katanya.

Peniaga di Pasar Tok Bali, Mohd. Alhusni Ismail, 30, berkata, ikan selayang dijual secara lelong RM10 untuk dua kilogram berbanding antara RM10 hingga RM14 sekilogram sebelum ini.

Buat stok ikan kering ketika cuaca panas

Besut: Pengusaha ikan kering memanfaatkan sepenuhnya cuaca panas ketika ini untuk menghasilkan stok bekalan ikan kering serta ikan bekok bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) tidak lama lagi.

Siti Khadijah Bakar, 40, berkata, permintaan terhadap ikan kering sentiasa tinggi dalam pasaran kerana sering dijadikan lauk tambahan atau penambah selera untuk dimakan bersama nasi atau pulut.

"Bagi memastikan bekalan ikan kering tidak terputus ketika musim MTL nanti, saya mula menambah stok bekalan ikan segar yang diproses secara berperingkat.

"Dalam sehari purata ikan segar pelbagai jenis yang diproses untuk menjadikan ikan kering serta ikan bekok boleh mencecah 1000 kilogram.

"Manakala jualan ikan kering dan ikan bekok dalam tempoh seminggu dianggarkan kira-kira 3 tan," katanya ketika ditemui di Kampung Pachakan, Kuala Besut, di sini, semalam.

Katanya, proses menghasilkan ikan kering mengambil masa dua hari untuk disiapkan bermula da-

ripada proses menyangi ikan, merendam air garam serta menjemur di bawah panas matahari bermula jam 8 pagi sehingga 5 petang.

"Antaranya jenis ikan kering dihasilkan adalah ikan cencaru, gelama, selar kuning serta ikan talang.

"Namun apabila musim hujan kami terpaksa menghadkan tempoh masa menjemur ikan kerana ikan akan cepat rosak jika terkena air hujan.

"Biasanya kami akan mengambil langkah awal dengan menyediakan plastik panjang untuk menutup semua ikan yang dijemur dengan segera sekiranya tidak sempat memindahkan ikan berkenaan," katanya.

Katanya, apabila musim hujan, nelayan tidak turun ke laut dan stok bekalan ikan segar berkurangan.

"Disebabkan itu, saya akan mendapatkan bekalan daripada Kedah serta Perlis supaya aktiviti memproses ikan kering dapat diteruskan.

"Semua ikan dijual pada harga serendah RM14 hingga RM30 bagi satu kilogram mengikut jenis ikan," katanya.



KHADIJAH (kanan) dan pekerjanya, Noruzaini Razak menunjukkan ikan bekok yang dihasilkannya di Kampung Pachakan, Kuala Besut, Kuala Terengganu.